

Ph.D

Mengajar tadika di UPM

Oleh MARZITA ABDULLAH

■ A adalah sebuah makmal, tetapi bukan makmal biasa, sebaliknya ia sebuah makmal yang menempatkan sebanyak 84 kanak-kanak berusia lima hingga enam tahun. Makmal yang berupa bangunan tadika iaitu Makmal Perkembangan Kanak-Kanak Prasekolah di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu telah ditubuhkan sejak 1979.

Ia merupakan makmal paling tua di negara ini dalam bidang berkenaan, menjadi tempat rujukan dan kajian banyak pensyarah serta pelajar yang terlibat dalam pengajian berkaitan perkembangan kanak-kanak.

Lebih menarik, makmal itu diterajui oleh dua guru yang berpengalaman luas dalam bidang berkenaan iaitu Nani Menon, 40, lulusan Ijazah Sarjana Sains Pendidikan Awal Kanak-kanak UPM dan kini sedang mengikuti pengajian ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang Prasekolah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Manakala seorang guru lagi, Rosazizi Abdul Rahim, 40, lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia UPM dan kini melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana dalam bidang Perkembangan Kanak-kanak di UPM.

Nani telah berkhidmat sebagai guru di makmal tersebut selama 16 tahun, kini menjadi guru untuk sesi pagi manakala Rosazizi pula telah berkhidmat selama 13 tahun, sebagai guru sesi petang.

Penubuhan makmal itu mendapat kerjasama daripada semua pihak termasuk pensyarah dan kakitangan yang pernah berkursus di luar negara yang turut menyumbang idea kepada makmal tersebut, hasil daripada pengamatan dan kajian mereka terhadap sistem prasekolah di negara-negara terbabit. Penglibatan pihak berkenaan telah memberi maklumat yang banyak kepada makmal itu terutama mengenai kaedah terbaru mahupun teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Justeru kepelbagaian itu menjadikan ia lebih terkehadapan dalam menyusun kurikulum dan melahirkan satu pendekatan yang dikenali pengajaran bertema. Pendekatan itu, yang dilaksanakan sejak ia ditubuhkan turut menarik perhatian Kementerian Pendidikan semasa merangka Kurikulum Prasekolah. Malah makmal itu turut terlibat dalam uji rintis kurikulum prasekolah pada tahun 2001.

Makmal berkenaan membantu kementerian berkenaan dalam pembinaan modul pembelajaran bertema dan buku panduan belajar mengikut komponen P&P bagi guru-guru tadika. Menurut Nani, pendekatan bertema yang dilaksanakannya adalah berbeza daripada tadika-tadika di negara ini yang lebih cenderung terhadap sesuatu mata pelajaran komponen sahaja.

Pendekatan bertema itu bersifat gabung jalin antara permainan dan pembelajaran contohnya, pembelajaran seni dan kraf dilakukan dengan melibatkan mata pelajaran Matematik dan bahasa. "Contohnya jika pembelajaran seni dan kraf, kita mewarna tangan dan mengira berapa jari dan menggunakan bahasa, ini menggabungkan mata pelajaran Matematik dan bahasa" katanya.

Tema yang besar akan dipecah kepada tajuk yang lebih kecil, contohnya bagi tema besar iaitu Diri Saya, ia akan dilaksanakan antara bulan Januari hingga pertengahan Februari. Ia kemudian akan dipecahkan kepada tajuk kecil setiap minggu seperti minggu pertama mengenai tubuh badan dan kemudian pada minggu lain mengenai proses tumbesaran dan kebersihan diri dan seterusnya.

"Jika dalam bulan itu terdapat hari perayaan, ia akan dimasukkan dalam pembelajaran pada bulan itu,



NANI MENON



ROSAZIZI ABDUL RAHIM

seperti Tahun Baru Cina," katanya. Guru akan mendedahkan kepada murid-murid mengenai budaya dan tradisi masyarakat Cina seperti pakaian dan peralatan makanan. Menurut Nani, setiap aktiviti yang memerlukan tempoh yang panjang untuk penyelesaian akan digelar sebagai projek dan ia dilakukan mengikut kesesuaian waktu.

"Kanak-kanak hanya akan dapat memberi tumpuan belajar antara 20 sehingga 30 minit sahaja, oleh itu apabila masa sudah mencukupi tetapi aktiviti itu masih belum selesai kita akan sambung pada minggu yang lain," katanya.

Pendekatan itu berbeza dengan beberapa pendekatan yang diguna pakai oleh kementerian tersebut iaitu memerlukan setiap guru menghabiskan satu tema dalam satu bulan sebelum beralih kepada tema yang lain.

Pendekatan yang digunakan oleh makmal tersebut pernah mendapat pujian daripada penyelidik-penyelidik antarabangsa seperti dari University Warwick, Coventry, United Kingdom.

Menurut penyelidik-penyelidik berkenaan, daripada kajian mereka meliputi tadika seluruh negara ini, makmal berkenaan adalah satu-satunya tadika yang menggunakan kaedah belajar sambil bermain sepenuhnya.

Terdapat beberapa kajian yang sedang dijalankan terhadap murid-murid makmal itu antaranya ialah kajian program literasi bahasa Inggeris dan kajian penggunaan komputer dalam pendidikan kanak-kanak yang dilakukan oleh pensyarah dan pelajar UPM, selain beberapa kajian oleh pihak luar.

Terdapat pelajar yang menjalani latihan amali dalam bidang berkaitan memilih makmal berkenaan sebagai tempat kajian. "Setiap pelajar yang membuat latihan amali akan dinasihatkan menggunakan pendekatan yang berbeza daripada apa yang kami gunakan," katanya.

Kajian terperinci oleh pelajar-pelajar terutama mengenai tingkah laku murid akan diteliti oleh makmal dan turut diserahkan kepada ibu bapa murid-murid berkenaan. Nani berkata, kelebihan makmal itu sebagai sebuah

tadika dalam sebuah universiti memudahkan murid-murid didedahkan dengan tema yang berkaitan haiwan dan alam.

"Murid-murid ini akan dibawa ke Fakulti Veterinar atau Perhutanan supaya mereka lebih memahami pelajaran masing-masing," katanya. Kejayaan makmal tersebut melalui pendekatan yang dibawa turut menarik Kementerian Pendidikan untuk melantik Nani sebagai fasilitator jurulatih utama bagi guru-guru di tadika annex iaitu tadika yang ditempatkan di sekolah-sekolah.

Latihan tersebut melibatkan kira-kira 1,500 guru di peringkat negeri Selangor, Terengganu dan Pulau Pinang. Nani menegaskan, pembentukan kurikulum prasekolah yang lebih terperinci oleh Kementerian Pendidikan merupakan pendekatan terbaik dan penting.

"Jika sebelum ini walau pun ada garis panduan tetapi tadika-tadika menggunakan pendekatan sendiri namun dengan kurikulum ini ia membentuk generasi yang benar-benar berjaya Malaysia selain mempunyai kesinambungan untuk murid-murid itu apabila memasuki Tahun Satu," katanya. Sementara Rosazizi berkata, setiap aktiviti yang dilakukan oleh murid-murid akan dipantau oleh guru-guru.

"Perhatian yang dilakukan adalah untuk melihat proses yang dilakukan oleh murid-murid sebagai satu perkembangan diri mereka," katanya.

Pembinaan makmal itu juga adalah mengikut kesesuaian jumlah murid melalui dua sesi iaitu pagi (untuk murid umur enam tahun) dan petang (untuk murid berusia lima tahun).

Ia turut dilengkapi dengan padang permainan yang luas dengan peralatan mainan dan kolam renang. Nisbah guru dan murid ialah 1:8 manakala seorang guru akan dibantu oleh dua pembantu.

Makmal berkenaan mempunyai dua guru iaitu untuk sesi pagi dan petang serta enam pembantu.

Menurut Rosazizi, sebagai guru, mereka juga diwajibkan untuk menimba ilmu pengetahuan dan mencari fakta-fakta yang relevan dengan tahap usia murid-murid tadika.

"Guru perlu mengkaji dan kreatif dalam mengendalikan murid-murid ini, tidak boleh cerita kosong," tegasnya.

MURID-MURID di Makmal Perkembangan Kanak-Kanak Prasekolah Universiti Putra Malaysia (UPM) mempraktikkan aktiviti bermain sambil belajar.

